

26/06/2003

PM arah tindakan tegas bendung jenayah kejam

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad memandang serius jenayah kejam yang semakin kerap berlaku kebelakangan ini, kata Menteri di Jabatan

Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Rais Yatim.

Sehubungan itu, katanya, Perdana Menteri dalam mesyuarat Kabinet semalam

mengarahkan tindakan lebih tegas dan berkesan diambil bagi mencegah jenayah kejam untuk menjamin keselamatan orang ramai.

"Jika jenayah kejam itu tidak dibanteras, kita (Malaysia) akan dicap lebih teruk seperti keadaan jenayah di sesetengah negara," katanya ketika

dihubungi, semalam.

Berikutan itu, kata Rais, pihaknya diarah mengkaji semula keberkesanan pelaksanaan undang-undang, terutama membabitkan hukuman yang lebih berat terhadap penjenayah serta mempercepatkan proses perbicaraan di mahkamah.

Katanya, beliau akan mengadakan pertemuan dengan Ketua Hakim Negara, Tan

Sri Ahmad Fairuz Sheikh Abdul Halim, bagi berbincang dan meneliti kaedah pelaksanaan undang-undang terbaik bagi menghalang jenayah kejam.

Rais berkata, beliau juga akan mengadakan pertemuan dan perbincangan dengan Jabatan Peguam Negara bagi menyemak semula Akta Keadilan Jenayah (1953) bagi diperhalusi sebelum membuat sebarang pindaan.

Ditanya apakah undang-undang sedia ada tidak cukup berkesan bagi menghalang jenayah kejam, Rais berkata, jenayah itu didapati berlaku bermusim.

"Pada keadaan tertentu kita dapati sesuatu kejadian jenayah itu berlaku

secara bermusim dan yang perlu dilakukan ketika ini adalah memastikan pelaksanaan undang-undang itu berkesan pada semua keadaan," katanya.

Pada 13 Jun lalu, seorang wanita yang diculik di Pusat Beli-belah Bangsar di sini, ditemui rentung dalam lubang longkang di tapak pembinaan

Projek Lebuh Raya Pantai Baru, Selasa lalu.

Mangsa, Canny Ong Lay Kian, 28, yang pulang dua minggu lalu dari Amerika

Syarikat untuk menziarahi bapanya yang sakit, turut dirogol sebelum dibunuh dan dibakar.

Ong, penganalisis teknologi maklumat (IT) di Amerika, diculik seorang lelaki berusia 27 tahun yang disifatkan polis sebagai 'gila seks'.

Lelaki

itu juga mengaku melakukan pembunuhan itu.

Dalam kejadian Isnin lalu pula, anak Timbalan Penguasa Sekolah Henry Gurney, Noor Luqman Mahayuddin, 21, melecur teruk selepas dua lelaki mengikat kedua-dua tangannya di stereng keretanya sebelum membakar kenderaan itu berhampiran Bukit Lintang, Ayer Molek, Melaka.

Dalam kejadian itu, Noor Luqman melecur hampir 50 peratus pada beberapa

bahagian anggotanya, termasuk tangan, kaki dan muka. Kejadian itu

dipercayai berlaku disebabkan cemburu berikutan perebutan teman wanita.

Ditanya mengenai pelantikan Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk M Kayveas, sebagai timbalannya, Rais percaya pengalaman Kayveas sebagai pengamal undang-undang mampu meningkatkan kecekapan dan keberkesanan di jabatan itu.